

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 11 FEBRUARI 2016

<sup>2</sup> **MBSA serah 100 unit tong sampah kepada penduduk** <sup>1 1/2 kece St1</sup>

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyerahkan sebanyak 100 unit tong sampah telah diedarkan kepada penduduk di sekitar Seksyen 24 yang terletak di dalam Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 8.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, penyerahan tong sampah ini merupakan sebahagian daripada jumlah 300 unit tong sampah yang telah diterima oleh pihak MBSA daripada kerajaan negeri.

Menurutnya, 200 unit tong sampah yang lain akan diedarkan di Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 6 dan juga MPP Zon 23.

Program ini merupakan komitmen berterusan pihak Majlis untuk memupuk sikap mementingkan kebersihan di kalangan warga Shah Alam serta

lebih bertanggungjawab di dalam memelihara alam sekitar.

"Majlis juga berharap agar usaha ini dapat diteruskan dan menerima lebih banyak tong sampah untuk diedarkan di zon-zon MPP yang lain di kawasan pentadbiran MBSA," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, penyerahan tong sampah ini diharapkan dapat memberi didikan kepada warga Shah Alam agar dapat membuang sampah dengan lebih sistematik sekali gus memastikan bandar raya Shah Alam sentiasa bersih dan indah.

Penyerahan tong sampah disempurnakan oleh Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad pada Program Penyerahan Tong Sampah Kepada Penduduk Seksyen 24 Shah Alam, baru-baru ini.



Penduduk bersama tong sampah yang disumbangkan oleh MBSA, baru-baru ini.